



NAJIB TUN RAZAK bersalaman dengan Ahmad Zahid Hamidi selepas mengumumkan pelantikannya sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 28 Julai 2015.



Ahmad Zahid wala' kepada ketua

▼ Amanat...



Kita berada di satu perjalanan yang tidak lagi sesukar dahulu, dan pada hemat saya, inilah ketika bagi kita menebus kekecewaan dalam PRU-12 dan PRU-13. Ini adalah satu ketika paling baik untuk kita buktikan bahawa agenda agama, bangsa dan negara mengatasi agenda peribadi dan kita ketepikan perbezaan kalangan kita demi kemenangan UMNO dan BN keseluruhannya. Inilah waktunya."

DATUK SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI
Naib Presiden UMNO

TANGGAL 28 Julai 2015 merupakan tarikh keramat buat Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi apabila dilantik oleh Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Pelantikan itu memberikan harapan baharu kepada rakyat memandangkan kedua-dua tokoh tersebut dilihat mempunyai keserasian untuk menakhodai bahtera pentadbiran negara.

Apatah lagi, Ahmad Zahid, 64, yang kini menjalankan tugas-tugas

Timbalan Presiden parti pernah bekerja di bawah Najib untuk tempoh yang agak lama.

Ahmad Zahid pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Politik kepada Najib sewaktu Perdana Menteri itu menjawat jawatan sebagai Menteri Belia dan Sukan serta Menteri Pertahanan iaitu antara 1987 dan 1993.

Beliau juga merupakan Ketua Penerangan Pemuda UMNO Malaysia ketika Najib mengetuai sayap parti tersebut.

Kesetiannya kepada Najib sememangnya tidak perlu dipertikai

kan lagi. Beliau beberapa kali menegaskan akan tetap wala' (setia) dan berdiri teguh menyokong ketuanya itu termasuk yang terbaharu iaitu ketika berucap dalam satu seminar di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) baru-baru ini.

Menyorot kembali pencapaian karier Ahmad Zahid, pemegang Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Komunikasi dari Universiti Putra Malaysia (UPM) itu mempunyai pengalaman lebih 30 tahun dalam bidang politik selain berpengalaman luas dalam bidang perniagaan perbankan.

Pada Pilihan Raya Umum ke-13, beliau berjaya memperolehi 17,176 undi sekali gus mengekalkan kerusi Parlimen Bagan Datoh untuk penggal kelima selepas menewaskan Madhi Hasan daripada PKR dengan majoriti 2,108 undi.

Anak kelahiran Bagan Datoh, Perak itu mula dilantik dalam pentadbiran kerajaan pada 2004 sebagai Timbalan Menteri Pelancongan dan pada 2006 sebagai Timbalan Menteri Penerangan.

Beliau kemudian dinaikkan pangkat kepada Menteri Pertahanan pada 2009 hingga 2013 sebelum bertukar ke portfolio sekarang sebagai Menteri Dalam Negeri sejak 16 Mei 2013.

Sebelum menceburi bidang politik, Ahmad Zahid pernah terlibat dalam sektor perbankan dan berkhidmat di beberapa bank seperti OCBC sebagai pegawai bank (1976-1977), Bank Simpanan Nasional (BSN) sebagai penolong pengurus (1977-1979) dan di Permodalan Nasional Berhad (PNB) sebagai pengurus pemasaran Amanah Saham Nasional (ASN) (1979-1984).

Pengalaman luas beliau dalam bidang perbankan itu kemudiannya membawa kepada pelantikan beliau sebagai Pengerusi BSN bermula 1994 hingga 1999 dan kemudian dilantik sebagai Pengerusi Syarikat Perumahan Negara Ber-

Karier politik Ahmad Zahid

- Ketua Pergerakan Pemuda UMNO bahagian Bagan Datoh (1984-1995)
- Timbalan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Perak (1987-1990)
- Ketua Penerangan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia (1988-1996)
- Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Perak (1990-1993)
- Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia (1996-1999)
- Dipilih sebagai Ketua UMNO Bahagian Bagan Datoh pada 1995
- Ahli Majlis Tertinggi UMNO (2000-2003 dan 2004-2007)
- Naib Presiden UMNO (2008-2011 dan 2013-kini)



AHMAD ZAHID HAMIDI memperkatakan sesuatu kepada Najib Tun Razak ketika beliau menjawat jawatan Menteri Belia dan Sukan. Ketika itu Ahmad Zahid merupakan Setiausaha Politik Najib.



AHMAD ZAHID ketika menjadi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia bersama Hishammuddin Tun Hussein yang merupakan Naib Ketua.

had (SPNB) pada 2000.

Ahmad Zahid mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Sungai Balai, Rungkup sebelum menyambung pelajaran di Sekolah Menengah Agama Izuddin Shah, Ipoh dan Sekolah Tengku Ampuan Rahimah, Klang.

Anak sulung kepada pasangan Allayahram Raden Hamidi Abdul Fatah dan Allahyarhamah Tuminah Abdul Jalil itu kemudiannya melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Malaya (UM) pada 1976.

Pada 2000, Ahmad Zahid memperoleh Ijazah Sarjana Sains Komunikasi Korporat dari UPM sebelum menerima ijazah Phd dari universiti sama pada 2008.

Hasil perkongsian hidup dengan Datin Seri Hamidah Khamis, 62, mereka dikurniakan dua orang puteri iaitu Nurulhidayah dan Nurulizawani serta tiga putera, Ahmad Khairul Hafies, Ahmad Syafiq Hazeq dan Ahmad Asyraf Arief.